



YAYASAN

NO. SYARIKAT: 1170062 – M

PELAKSANAAN SKIM BANTUAN YAYASAN RISDA

PENGENALAN

Yayasan RISDA atau ringkasannya YR adalah merupakan syarikat milik penuh RISDA telah telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA Kali Ke-224 pada 21 Februari 2013. Setelah melalui beberapa peringkat penilaian dan kelulusan, YR akhirnya telah diperbadankan secara rasmi mulai 22 Disember 2015.

OBJEKTIF PENUBUHAN YAYASAN RISDA


1. Untuk mengurus dan mentadbir dana untuk faedah dan kebajikan pekebun kecil, warga RISDA dan warga Syarikat Milikan RISDA (SMR) termasuk keluarga terdekat masing-masing, pesara-pesara RISDA khususnya dan rakyat Malaysia amnya melalui latihan dan pendidikan, pembangunan sukan dan kesihatan, ransangan sosio ekonomi dan kebudayaan serta peruntukan kemudahan tambahan
2. Untuk mewujudkan dan menyediakan dana kepada golongan miskin, kelainan upaya, anak yatim, anak-anak terbiar dan ibu tunggal melalui peruntukan dalam bentuk derma, bantuan kewangan, dan kemudahan yang perlu serta mewujudkan inisiatif, program serta skim sokongan.
3. Menyelaraskan Program Dan Inisiatif untuk penyaluran bantuan sebagai usaha mengurangkan dan merapatkan jurang kemiskinan dan kelaparan serta bantuan kepada mangsa bencana alam.

VISI ,MISI DAN AKTIVITI TERAS

VISI - *MENJADI PENERAJU KEPADA KESEJAHTERAAN KOMUNITI RISDA DAN LUAR BANDAR*

- MISI -
- I) *MENYEDIA DAN MENYELARAS DANA SERTA BANTUAN KE ARAH PENINGKATAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI RISDA DAN LUAR BANDAR*
 - II) *BERTINDAK SEBAGAI WAHANA PENYALURAN BANTUAN, KEMUDAHAN DAN KESEDARAN KEPADA KOMUNITI RISDA DAN LUAR BANDAR*

MODEL AKTIVITI TERAS YR



TAFSIRAN

1. Komuniti RISDA

Semua staf RISDA dan Syarikat Milikan RISDA termasuk keluarga terdekat masing-masing serta pesara RISDA

2. Komuniti Luar Bandar

Masyarakat Pekebun Kecil dan masyarakat luar bandar yang miskin dan daif serta keluarga terdekat masing-masing serta lain-lain kategori masyarakat yang memerlukan.

3. Pekebun Kecil

Tertakluk kepada tafsiran Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan 2009) iaitu :

- a) Pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasannya kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk sah ; atau
- b) Seseorang yang diistiharkan secara bertulis oleh Menteri sebagai pekebun kecil di bawah seksyen 26

4. Keluarga terdekat

Suami atau isteri, anak kandung, anak angkat yang sah taraf atau anak diri. Anak yang berkecualan adalah anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pekebun kecil atau warga RISDA / SMR yang belum mencapai umur 21 tahun atau bagi yang masih menuntut sehingga ke ijazah pertama.

Tiada had umur bagi anak kelainan upaya.

SUMBER KEWANGAN

Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA Kali Ke-241 pada 6 Julai 2015 telah meluluskan dana seperti berikut :

1. Menyalurkan Sumbangan dari Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK) sebanyak :
 - i) RM2.0 juta sebagai dana awal pelancaran Yayasan RISDA ;
 - ii) RM2,500 untuk yuran pendaftaran untuk 50 ahli Yayasan RISDA (RM50.00 seorang ahli) ; dan
 - iii) RM200,000 setiap tahun untuk operasi Yayasan RISDA.
2. Sumbangan 1% setiap tahun daripada keuntungan sebelum cukai syarikat milikan RISDA untuk operasi bermula tahun kewangan 2014.

AKTIVITI SEMASA YANG DILULUSKAN

Bagi peringkat awal penubuhannya, Mesyuarat Pengurusan RISDA Bil 14 Tahun 2015 dan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan RISDA Kali 1 2016 pula telah meluluskan aktiviti peringkat permulaan Yayasan RISDA seperti berikut:

2.3.1 Skim Bantuan Pelajaran (Skim Biasiswa Anak Pekebun Kecil)

2.3.2 Skim Bantuan Anak Yatim Dan Ibu Tunggal

2.3.3 Skim Bantuan Sukan

2.3.4 Skim Bantuan Pelajar

2.3.5 Skim Bantuan OKU

2.3.6 Skim Bantuan Bencana Alam

2.3.7 Skim Bantuan Kemajuan Keluarga

2.3.8 Biasiswa IPT Anak Pekebun Kecil

Sebahagian daripada skim bantuan tersebut adalah merupakan skim sedia ada RISDA yang telah dilaksanakan di bawah Bahagian Latihan (Skim Bantuan Pelajaran) dan Bahagian Pembangunan Usahawan (Skim Bantuan Pelajar, Skim Bantuan Bencana Alam dan Skim Kemajuan Keluarga)

PELAKSANAAN OLEH YAYASAN RISDA

Bagi tahun 2016, dengan peruntukan yang masih terhad, Yayasan RISDA hanya akan melaksanakan Skim Bantuan Anak Yatim Dan Ibu Tunggal, Skim Bantuan Sukan, Skim Bantuan Pelajar dan Skim Bantuan Bencana Alam.

Sehubungan itu, bagi tahun 2016 Bagi Skim Bantuan Pelajaran (Skim Biasiswa Anak Pekebun Kecil) akan diteruskan oleh Bahagian Latihan manakala bagi Skim Bantuan Kemajuan Keluarga akan diteruskan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan. Bagi Biasiswa IPT Anak Pekebun Kecil akan diumumkan apabila dasar berkaitan dengannya diputuskan.

JAWATANKUASA PENILAI

Lembaga Pemegang Amanah YR adalah badan yang bertanggungjawab bagi mengawalselia dari segi dasar bagi perjalanan aktiviti dan pengurusan dana YR Jawatankuasa Penilai adalah Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga Pemegang Amanah YR yang akan bertindak sebagai badan yang akan membuat semakan, menilai, menimbang dan meluluskan / menolak sebarang permohonan pembiayaan.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAI

Mesyuarat Jawatankuasa Penilai akan diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Mei dan Oktober setiap tahun. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa boleh mengadakan mesyuarat pada bila-bila masa sekiranya terdapat sebarang keperluan yang memerlukan ianya diadakan.

Sehubungan itu, semua permohonan perlu sampai ke urusetia Yayasan sebelum atau pada 30 April atau 30 September setiap tahun (kecuali bagi permohonan Skim Bantuan Bencana Alam boleh dikemukakan apabila berlaku bencana).

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN YAYASAN RISDA



CARTA ORGANISASI

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

1. PENERUS

KETUA PENGARAH RISDA
YBHG. DATO' HJ. MOHAMAT BIN MUDA

2. WAKIL PIHAK BERKUASA RISDA

KOSONG

3. WAKIL PIHAK BERKUASA RISDA

YBHG. DATO' DR. SHARIF BIN HARON
(Ketua Pengarah MARDI)

4. TIMB KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

TN. HJ. MOHD NAJIB BIN A. SAMAD

5. TIMB KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT)

TN. HJ. MOHD IHWAN BIN SUDIM

6. PENGARAH BAHAGIAN KEWANGAN

ENCIK MOHD RUSLEE BIN ISMAIL

7. WAKIL KEM. KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH

ENCIK MOHAMAD BIN ABDULLAH
(SUB Kew. Kem. Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia)

8. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

RISDA HOLDINGS SDN BHD
TUAN HJ. MOHD GHAZALI BIN ABD MAJID